



## IDOLA ZAYAN

### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

#### A. TERMA-TERMA ASAS

1.	<b>Penganjur</b>	Astro Radio Sdn Bhd
2.	<b>Stesen Radio</b>	Zayan
3.	<b>Nama Peraduan</b>	Idola Zayan
4.	<b>Huraian Ringkas Peraduan</b>	Pencarian bakat menyanyi di Zayan
5.	<b>Mekanisma Ringkas Peraduan</b>	<p>a) Peserta harus menghantar penyertaan dengan memuat naik video nyanyian mereka melalui Instagram</p> <p>b) Peserta harus menyanyi bahagian chorus lagu dan sertakan hashtag #IdolaZayan. Peserta harus pastikan tetapan aplikasi Instagram mereka adalah "Public" dan tidak "Private". Lagu yang dinyanyikan harus berkonsepkan positif dan ketuhanan</p> <p>c) Peserta-peserta akan disenarai pendek berdasarkan nyanyian yang dihantarkan. Sepuluh peserta akan dipilih berdasarkan keputusan panel juri.</p> <p>d) Peserta yang dipilih harus hadirkan diri di acara akhir yang akan berlangsung pada 28 Jan 2018 di lokasi yang akan diberitahu kemudian. Pemarkahan akan dilakukan oleh panel juri</p>
6.	<b>Kriteria Kelayakan</b>	<p>Pencarian bakat ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang</p> <p>a) berusia 18-35 tahun pada 1 Jan 2018</p> <p>b) bukan pekerja dan keluarga terdekat Astro Malaysia Holdings Berhad dan syarikat – syarikat bersekutunya.</p> <p>c) bukan artis rakaman dan tidak pernah merakamkan album atau "single" untuk lima (5) tahun yang lalu dari 1 Jan 2018</p> <p>d) tidak terikat secara kontrak/perjanjian dengan mana-mana stesen radio, syarikat rakaman, pengurusan dan mana-mana syarikat atau orang-orang yang boleh menghalang peserta menyertai peraduan ini</p>
7.	<b>Umur Kelayakan</b>	18 tahun ke atas dan 35 tahun ke bawah pada 1 Jan 2018
8.	<b>Caj</b>	Tidak dikenakan
9.	<b>Tempoh Peraduan</b>	1 Jan 2018 – 14 Jan 2018
10.	<b>Bahasa Peraduan</b>	Bahasa Malaysia.
11.	<b>Prosedur Penyertaan</b>	Hantar penyertaan melalui Instagram
12.	<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	14 Jan 2018
13.	<b>Cara Penghantaran</b>	Melalui laman sosial media, Instagram berserta hash tag #IdolaZayan
14.	<b>Alamat</b>	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
15.	<b>Pemilihan Pemenang</b>	Seorang pemenang utama akan dicalonkan berdasarkan pilihan panel juri.
16.	<b>Hadiah</b>	1 X RM 10,000 untuk pemenang utama
17.	<b>Pemberitahuan Pemenang Peraduan</b>	Nama pemenang akan diumumkan di lokasi acara selepas Peraduan
18.	<b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>	Seperti dimaklumkan oleh Penganjur
19.	<b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>	Seperti dimaklumkan oleh Penganjur
20.	<b>Terma-terma tambahan, jika ada</b>	Peserta akan dihubungi melalui Instagram untuk mendapat maklumat peribadi. Peserta yang tidak membalas akan kehilangan kelayakan untuk menyertai Peraduan ini

		<p>Peserta yang tidak dapat hadirkan diri pada acara akhir yang akan berlangsung pada 28 Jan akan kehilangan kelayakan untuk menyertai Peraduan ini</p> <p>Keputusan pihak penganjur dan juri adalah muktamad</p>
--	--	---

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.

### **IDOLA ZAYAN DI ZAYAN**

#### **Perakuan Peserta**

Saya \_\_\_\_\_ dengan nombor kad pengenalan \_\_\_\_\_, seorang peserta untuk IDOLA ZAYAN di ZAYAN, mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi apa-apa terma-terma serta syarat-syarat Astro Radio Sdn Bhd termasuklah Terma-Terma dan Syarat-Syarat Lazim Peraduan dan Notis Privasi.

Saya dengan ini selama-lamanya melepaskan Astro Radio, syarikat-syarikat bersekutunya dan penaja-penaja termasuk mana-mana pihak ketiga yang bertindak dengan kebenaran dari Astro Radio dari mana-mana dan semua tuntutan, tindakan dan tuntutan yang berbangkit daripada atau berhubung dengan penyertaan saya dalam Peraduan ini, daripada sebarang tindakan, liabiliti, ganti rugi, kos, kerugian, atau perbelanjaan walau apa pun disebabkan.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Peserta

Nama: \_\_\_\_\_  
 No K/P: \_\_\_\_\_  
 Alamat: \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 Tarikh: \_\_\_\_\_